AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : DALAM NEGERI

# 'Kami kuat demi pesakit' - Jururawat

**PUTRAJAYA:** Tiada perasaan lain boleh digambarkan melainkan gembira dan terharu apabila pesakit yang dirawat serta dipantau setiap hari disahkan bebas Covid-19 seterusnya dibenarkan pulang ke rumah.

Itu detik paling bermakna bagi jururawat, Rus Hasimah Anuar, 32, yang ditugaskan di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) 2.0 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS).

Apatah lagi katanya, pesakit-pesakit memberikan kerjasama penuh kepada petugas kesihatan dan pasukan barisan hadapan lain yang mengendalikan pusat kuarantin itu.

Setiap kali ada pesakit baharu dimasukkan di sini atau dibenarkan keluar kerana telah pulih, pesakit-pesakit lain memberikan sorakan sebagai tanda sokongan.

"Kebanyakan pesakit yang lebih awal ditempatkan di sini membantu pula petugas-petugas membuat kerja jika ada pesakit baharu yang masuk. Mereka membantu mengagihkan makanan, memberikan selimut dan cadar serta menunjukkan nombor katil dan sebagainya.

"Walaupun ada antara mereka dalam kalangan profesional seperti doktor, polis, bomba, jurutera, guru malah pemandu lori atau pekerja kilang sekalipun, mereka boleh bergaul tanpa mengira pangkat atau kaum dan saling menghormati di pusat kuarantin ini.

"Sebagai contoh, pengecas telefon bimbit tidak pernah hi lang walaupun ia hanya sekec il-kecil barang atas dasar sika kejujuran masing-masing," ka tanya kepada *Utusan Malaysi* semalam.



**RUS Hasimah Anuar bersama petugas kesihatan dan pesakit Covid-19 di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) 2.0 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Serdang.**